

Fajar Menyinsing

(sambungan Qalam bilangan 200)

Tiba-tiba kedengaran bunyi orang mengetuk pintu dengan kuat dari luar, diiringi dengan satu suara

halus menyeru: "Saiyidi Rabah!..Saiyidi Rabah!..Rabah keluar membukakan pintu; kemudian

kedengaran suaranya berkata mengalu-alukan kedatangan tetamu itu:

Terjemahan: Abdul Aziz al-Mursyidi

Rabah: "Oh,.. Ummu Akhtab rupanya yang datang... adakah hal penting yang akan dipersampaikan kepada saya, maka Ummu datang ke mari dengan cara tergesa-gesa ini?"

Ummu Akhtab: "Ya,..Tuan Saiyidi Khalaf telah sampai ke mari dan bertanyakan hal tuan hamba."

Rabah: "Apa?..Tuan Saiyidi Khalaf sampai? Baiklah saya akan pergi berjumpa dengannya." (sambil berlari ke belakang untuk mengambil jubahnya). Sewaktu akan keluar ia bertemu Hamamah: "Di mana Bilal?"

Hamamah: "Tentulah ia berada di luar bermain-main dengan kawan-kawannya." (Tiba-tiba sekali lagi kedengaran pintu diketuk orang dari luar, Hamamah berlari menuju ke pintu. Setelah pintu terbuka, Hamamah terkejut manakala dia bertentangan muka dengan tetamu yang datang itu. Tetamu itu tidak lain dari Saiyid Khalaf ketua kaum Quraish yang telah menyerahkan dirinya kepada Rabah dahulu. Tetamu agung itu dipersilakan masuk oleh Hamamah. Pada ketika itu juga Rabah sudah ada berdiri di belakang

Hamamah untuk turut sama menyambut kedatangan Saiyid Khalaf itu Saiyid Khalaf sudah pun melangkahkan kakinya ke dalam rumah seraya berkata:

Khalaf: "Adakah kamu berdua baru bangun dari tidur?"

Rabah: "Kami mengucapkan selamat datang kepada tuan hamba. Sebenarnya hamba telah bersiap-siap hendak keluar untuk menemui tuan hamba; tetapi tuan hamba telah mendahului hamba dan sudi mencemarkan kaki datang ke gobok buruk hamba yang kecil ini."

Khalaf: "Sebelum aku datang ke mari, aku melalui jalan yang berhampiran dengan tanah ladang gandum dan tempat ternak binatang yang di bawah jagaan engkau itu; sambil memperhatikan kalau-kalau engkau sudah berada di sana; tetapi setelah aku dapati engkau tidak ada di situ, maka aku pun terus datang ke mari."

Rabah: "Bagaimana penglihatan tuan hamba tentang kesuburan tanaman dan kesihatan binatang-binatang ternakan di padang tempat ternakan yang tuan hamba lalui itu?"

Khalaf: "Aku sungguh berasa gembira dan sangat puas hati dengan segala pekerjaan yang telah engkau laksanakan dengan jujur ikhlas itu. Dengan adanya kejujuranmu itu, maka keuntungan dari hasil bumi dan hasil ternakan yang di bawah jagaanmu itu dari setahun ke setahun semakin berlipat ganda. Sebagai menunjukkan rasa kegembiraanku itu, makanya aku sendiri datang bertemu muka dengan engkau untuk menyatakan hasrat hatiku yang ingin memberi engkau tambahan gaji berlipat ganda dari biasa."

Rabah: "Terima kasih hamba ucapkan kepada tuan hamba! Sebenarnya segala perkhidmatan yang telah hamba curahkan itu, hanya semata-mata dengan niat bersih untuk mencari keredaan dari tuan hamba. Kerana tuan hambalah sebagai satu saluran sakti yang selalu benar mencurahkan rahmat kepada keluarga hamba yang hidup miskin ini."

Khalaf: (Memotong perkataan yang diucapkan oleh Rabah itu dengan mengatakan):

“ah!..mengapa suasana dalam rumah kecil ini sunyi sepi sahaja? Kamu berdua belum mendapat cahaya mata lagikah? (Rabah dan Hamamah hanya menundukkan muka kemalu-maluan).

Rabah: “Adakah tuan hamba berdukacita dengan keadaan hidup kami yang sedemikian rupa?”

Khalaf: “Oh, tidak!..Cuma aku ingin mengetahui akan hal hidup engkau sekeluarga.... Rabah!..engkau mesti ingat... Rabah!...sungguhpun engkau sudah bebas merdeka, tetapi isterimu Hamamah masih lagi menjadi hak milikku, dia belum aku merdekakan.”

Rabah: “Ya!...hamba mengerti tuan hamba!”

Khalaf: “Oleh sebab itulah aku telah menegaskan pada hari perkahwinanmu dengan Hamamah dahulu; kalau engkau berdua mendapat anak, maka anak itu masih tetap dianggap sebagai seorang hamba abdi kepunyaanku.”

Rabah: “Oh,..begitulah kalau hidup dikongkong adat, terpaksa tunduk memperhambakan diri di bawah kekuasaan adat yang menjadi tata tertib hidup dalam masyarakat manusia yang dibikin-bikin oleh mereka sendiri. Kerana berpegang kepada adat, mahu tak mahu hamba terpaksa hidup di dalam suatu masyarakat yang separuh bebas merdeka dan separuh hamba abdi. Ya!..apa boleh buat; kerana hidup di bawah kongkongan adat. Kini hamba sudah menjadi suami kepada seorang wanita yang berasal dari darah keturunan bangsawan; sekarang hamba sudah menjadi bapa kepada seorang anak dari keturunan darah hamba sendiri, yang mana kedua-dua manusia yang berada di bawah kekuasaan dan tanggungjawab hamba itu, masih dianggap sebagai **hamba tebusan** yang hina dina oleh tata tertib hidup masyarakat manusia di zaman ini. Tetapi meskipun demikian hamba tidak sekali-kali menganggap dan mengakui bahawa isteri dan anak hamba itu adalah sebagai **hamba abdi** yang boleh ditebus dan diperjual belikan dengan sewenang-wenangnya oleh manusia yang lain. Walau bagaimana sekalipun orang mengatakan isteri dan anak kandung hamba itu adalah sebagai **hamba tebusan**, tetapi hamba sebagai seorang bapa dan seorang suami tetap menganggap bahawa diri hamba inilah yang selamanya menjadi **hamba abdi** kepada isteri dan anak kandung hamba itu.

Hamba reda berkhidmat kepada kedua-dua manusia yang hamba cintai itu demi untuk membina kebahagiaan hidup hamba sekeluarga.”

Khalaf: “Apa ertinya segala kata-kata yang engkau ucapkan itu. Wahai Rabah?” (Dengan suara agak keras).

Rabah: “Ertinya?..erti perkataan hamba itu rasanya tak payah hamba terangkan dengan lebih jelas sekarang kerana masyarakat bangsa Arab di hari ini, tidak boleh memahami akan erti segala perkataan yang hamba ucapkan itu.... Nanti!...nanti masa juga yang akan memberikan jawapan dan tafsiran yang sebenarnya. Hamba berharap masa yang dinanti-nantikan itu sudah hampir tiba.” (jawab Rabah dengan tegas).

Khalaf: “Apa katamu?..masa?.. Masa apa yang engkau maksudkan itu wahai Rabah?” (Tanya Khalaf dengan membentak).

Rabah: “Masa yang tidak memperbezakan di antara orang kaya dengan orang miskin, di antara orang kulit hitam dengan orang kulit putih, di antara Tuan Saiyid dengan hamba tebusan. Itulah masa yang ditunggu-tunggu oleh segenap lapisan manusia yang hidup menderita di bawah kongkongan adat ciptaan manusia yang bersifat tidak adil dan durjana...masa itu pasti akan tiba...pasti akan datang menemui kita dalam masa yang tidak berapa lama lagi.... percayalah...dan ...percayalah wahai Tuan Khalaf!”

Khalaf: “Omong kosong!...bilakah masa yang engkau angan-angankan itu akan tiba?...ha..ha..ha!” (Ketawa terbahak-bahak)

Rabah:” Jangan lekas menghina, wahai tuan hamba!..fajar baru akan menyingsing di kalangan masyarakat bangsa Arab di zaman baru... fajar baru...pasti menyingsing dalam masa yang tidak berapa lama lagi. Kalau zaman hamba dan zaman tuan hamba tidak bertemudengan

dengan masa gemilang itu, nescaya masa putra tuan hamba Umaiyyah dan dan masa anak hamba Bilal besar nanti, kedua-duanya akan hidup menikmati kebahagiaan masa yang gemilang itu.”

Khalaf: “Oh!...kalau begitu nama anak engkau Bilal ya?” Dengan tidak mengendahkan sama sekali segala kata-kata yang diucapkan oleh Rabah itu).

Rabah: “Ya, betul tuan hamba!.. nama anak hamba itu ialah Bilal.. Bilal bin Rabah!”

Khalaf: (Dengan nada suara yang agak lembut): “Percayalah wahai Rabah! Kalaulah dahulu aku tidak bersumpah dnegan nama tuhan berhala al-Latta dan al-Uzza, bahawa kalau engkau mendapat anak dari Hamamah, maka anak itu akan aku jadikan hamba milikku, nescaya pada hari ini juga isterimu Hamamah dan anakmu Bilal itu aku anugerahkan kemerdekaan yang penuh kepada keduanya. Tetapi apa boleh buat; lantaran kata-kata sumpahan sudah terlanjur aku lafazkan di hadapan tuhan al-Latta dan al-Uzza, maka terpaksa kedua-duanya itu hidup di dalam perhambaan, sekalipun perkara ini tidak menyenangkan perasaanmu. Meskipun demikian aku sekali-kali tidak berniat untuk mengambil Hamamah dan Bilal aku serahkan keduanya di bawah penjagaanmu.” (sambil ia berjalan keluar dengan diikuti oleh Rabah dari belakang).

Hamamah: (Tinggal mengeluh seorang diri): “Sungguh kejam peraturan

hidup yang diciptakan oleh masyarakat manusia yang hidup di zaman kejahilan. Kalau seorang ibu telah dianggap menjadi seorang **hamba tebusan**, apakah dosanya si anak yang bersih itu juga dianggap sebagai seorang **hamba tebusan**? (sambil dia menangis teresak-esak).

Rabah: (Masuk semula ke dalam rumah setelah mengucapkan selamat jalan kepada Saiyyid Khalaf. Ia dapati Hamamah sedang menangis teresak-esak ia lantas menghampiri isterinya seraya berkata dengan nada suara yang lemah lembut memujuk): “Kenapa adinda menangis wahai permaisuri yang dicintai?”

Hamamah: “Adinda menangis kerana mengenangkan nasib anak yang kita lahirkan di dalam keadaan bebas dan merdeka akan hidup menderita di bawah suatu kekuasaan yang menindas dan merampas tenaga manusia dicap dengan nama hamba abdi, nama yang diciptakan oleh masyarakat yang berdasarkan kebendaan dan kezaliman.”

Rabah: “Mengapa adinda berkata demikian? Adakah adinda seorang ahli nujum yang mengetahui segala sesuatu yang akan terjadi di masa akan datang?
Adinda permaisuriku!
Singkirkanlah segala penderitaan batin yang sedang bergelora di jiwa adinda itu, kita sebagai makhluk tuhan yang lemah hanya dapat mengetahui segala sesuatu yang berlaku pada waktu ini dan masa-masa yang telah lepas sahaja. Ada pun

perkara yang akan berlaku pada masa yang akan datang hanya dapat ditentukan oleh tuhan yang menjaga Kaabah sahaja.”

Hamamah: “Janganlah kakanda cuba hendak memujuk adinda dalam perkara ini!..kerana ini adalah soal perasaan...perasaan kasih mesra yang terbit dari lubuk hati seorang ibu terhadap anak yang dicintainya. Sedangkan kakanda sendiri sudah mengetahui, atau paling kurang kanda sudah dapat mengagak nasib malang yang akan dilalui oleh anak kita Bilal di masa akan datang. Sebelum kakanda berkahwin dengan adinda dahulu, kakanda sudah tahu dengan yakin bahawa anak yang akan adinda lahirkan nanti - setelah kita kahwin- sudah pasti dengan sendirinya akan menjadi seorang **hamba tebusan** dan **hak milik** Saiyyid Khalaf. Peraturan ini tidak dapat dielak-elakkan lagi, kerana ini sudah menjadi suatu undang-undang dan tata tertib hidup di dalam masyarakat kita ini.” (Dia terus menangis lebih kuat lagi).

Rabah: “Hamamah adindaku!... tenangkanlah fikiranmu; ingatlah kepada alamat mimpimu di beberapa malam yang lalu...perccayalah bahawa mimpimu itu membawa suatu harapan yang baik buat masa depan anak kita Bilal! Fajar baru akan menyingsing membawa keadilan, menyinari alam masyarakat kotor, masyarakat gelap gelita yang kita sedang berada di dalamnya...fajar baru..fajar baru pasti akan menyingsing membawa zaman gemilang..zaman

keadilan.. zaman yang tidak memperbezakan di antara manusia tingkatan atas dengan manusia tingkatan bawah.. zaman yang akan membasmi cara hidup berkelas-kelas dalam masyarakat manusia.

Marilah kita melupakan segala peristiwa-peristiwa buruk yang sedang mengelubungi suasana masyarakat kita di hari ini, demi untuk menyambut ketibaan zaman gemilang dalam masa yang tidak berapa lama lagi. Lihatlah di sana!.. nun di sana!.. anak kita Bilal sedang bermain-main bersuka ria; bergembira dengan kawan-kawannya, seolah-olah dia telah mendapat suatu alamat, bahawa nasib hidupnya di masa akan datang tidak seburuk nasib yang telah diterima oleh kedua-dua ayahanda dan bondanya”

Hamamah:”Mudah-mudahan segala doa restu kanda yang dipenuhi dengan harapan itu akan benar-benar berlaku untuk mencurahkan rahmat dan nikmat kepada golongan manusia yang hidup menderita dan tertindas di bawah satu kekuasaan golongan manusia yang tidak mempunyai sifat-sifat timbang rasa yang berdasarkan peri kemanusiaan.” sambil dia mengesat air mata yang turun mengalir di kedua belah pipinya).

Bilal: (Berlari masuk dengan perasaan riang gembira sambil menerpa ibunya serta berkata): “Ibu!..Ibu!...Ihal nak pergi bermain lagi ibu!!” sambil dia mengucup pipi ibunya).

Hamamah: (Dengan suara terharu menahan sedih, lantas menjawab perkataan anaknya): “Pergilah nak! Pergilah!..Sementara engkau masih kecil, sementara bebanan tanggungjawab belum dipikulkan orang ke atas pundakmu.... Pergilah!..Penuhilah jiwamu dengan perasaan bebas merdeka memenuhi suasana hidup di zaman kanak-kanak..kemerdekaan hidup yang engkau nikmati di hari ini akan dirampas orang dan akan menjadi hak milik orang lain di masa engkau meningkat remaja nanti.... Pergilah nak!..Pergilah!... Puaskanlah nafsu gembiramu sebelum tiba masa sengsaramu!”

Bilal: (Hanya terkelip-kelip matanya sewaktu ia mendengar segala kata-kata rayuan yang diucapkan oleh ibunya itu. Ia tidak dapat memahami kata-kata ibunya yang mengandungi irama sedih menyayat kalbu itu. Ia hanya dapat memahami kalimah **pergilah nak!**, yang mana kalimah itu biasa didengarnya setiap hari dari mulut ibunya. Oleh itu ia terus melompat keluar berlari menuju ke kaki sebuah bukit tempat ia biasa bermain-main dengan teman-temannya).

Rabah: (Dengan perasaan hati yang sedih pilu memperhatikan segala kelakuan anaknya yang tidak tahu menahu akan segala peristiwa sedih yang bakal dialaminya di zaman remaja nanti. Kemudian ia mengalihkan pandangan ke arah isterinya yang sedang bermuram durja mengenangkan nasib buruk yang akan menimpa anak kecintaannya itu. Ketika itu

Hamamah pula mengalihkan pandangannya ke arah suami yang dikasihinya... mata bertemu mata...pandangan menciptakan perasaan sedih... perasaan sedih mengalirkan air jernih dari empat mata yang sedang bertenungan itu.

Akhirnya sedih bertemu sedih, yang menyebabkan dua sejoli itu bertangis-tangisan.

Tamat



Rabah sedang berbual-bual dengan Saiyid Khalaf katanya: “Terima kasih hamba ucapkan kepada tuan hamba! Sebenarnya segala perkhidmatan yang telah hamba curahkan itu, hanya semata-mata dengan niat hati yang bersih untuk mencari keredaan dari tuan hamba. Kerana tuan hambalah sebagai satu saluran sakti yang selalu benar mencurahkan rahmat kepada keluarga hamba yang miskin ini!”